

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 18 JULAI 2018, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 3

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1411-L01180  
**Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memandangkan kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri telah melalui perubahan yang besar selepas PRU14, adakah Kerajaan Persekutuan berhajat untuk menilai semula hubungan kewangan dengan Kerajaan Negeri berkaitan perkongsian hasil kutipan cukai supaya negeri-negeri yang tidak punyai sumber pendapatan yang besar dan lestari seperti minyak dan gas dapat membangun seiring dengan negeri-negeri yang kaya.
  
2. PR-1411-L00919  
**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [ Bagan Datuk ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah aspek-aspek yang sedang dikaji, ekoran daripada penangguhan Projek Rel Berkelajuan Tinggi (HSR) Malaysia-Singapura.
  
3. PR-1411-L00268  
**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berkenaan pelaksanaan caruman KWSP untuk isteri atau wanita.
  
4. PR-1411-L01396  
**Tuan Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [ Tambun ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah-langkah untuk melunaskan janji 100 hari. Mohon YB Menteri Pendidikan memberikan penjelasan berkaitan Hala Tuju Pendidikan Kebangsaan serta langkah-langkah awal yang telah diambil KPM bagi menangani kemerosotan kualiti pendidikan di Malaysia.

5. PR-1411-L00775

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [ Sibuti ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk memastikan RTM dapat menerbitkan dokumentari yang berkualiti seperti yang dilakukan oleh British Broadcasting Corporation (BBC) yang banyak menghasilkan produksi yang menarik, bermaklumat, meningkatkan rasa patriotisme dan ada nilai intelektual. Adakah Kementerian memberi peluang kepada penggiat dan bakat seni dokumentari dan filem pendek terlibat dengan menyediakan dana mencukupi untuk tujuan tersebut.

6. PR-1411-L01156

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha yang akan dilaksanakan pihak Kerajaan bagi mengatasi isu migrasi generasi muda dari luar bandar ke bandar bagi mencari alternatif pekerjaan yang lebih baik seterusnya menambahbaik peluang menjana pendapatan di luar bandar.

7. PR-1411-L00277

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) apakah status kajian yang telah dijalankan oleh MAVCOM untuk mengkaji sama ada harga siling dapat dikenakan ke atas harga tiket penerbangan terutama pada musim perayaan; dan
- (b) apakah langkah lain yang dapat digunakan untuk menurunkan harga tiket penerbangan pada musim perayaan terutama dari Sibu ke Kuala Lumpur dan Sibu ke Johor serta penerbangan domestik di dalam negeri Sarawak yang dikendalikan oleh MASwings.

8. PR-1411-L00588

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [ Jeli ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kesan peperangan perdagangan antara Amerika Syarikat dengan China dan Kesatuan Eropah setakat ini kepada prestasi perdagangan Malaysia dan impak peperangan perdagangan ini kepada industri tempatan.

9. PR-1411-L00333

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kapar ]** minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan jumlah setakat ini berkenaan pampasan yang telah dibayar kepada pekerja yang dibuang kerja melalui Sistem Insurans Pekerja.

10. PR-1411-L00640

**Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [ Parit ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah usaha serta inisiatif yang akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi menggalakkan penyertaan usahawan desa terutamanya golongan belia.

11. PR-1411-L00400

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan telah membuat bancian terhadap "stateless person" di seluruh negara, jika ya berapakah bilangan mengikut negeri.

12. PR-1411-L00619

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) butiran kewangan yang terkandung dalam Perjanjian Pembinaan East Coast Rail Link (ECRL) ; dan
- (b) kaedah yang bakal digunakan untuk menampung kos projek berkenaan jika ia diteruskan.

13. PR-1411-L01014

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [ Petrajaya ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kesan kewangan terhadap PTPTN apabila pihak Pakatan Harapan melaksanakan manifesto untuk memberi perlepasan membayar kepada mereka yang bergaji kurang daripada RM4000.

14. PR-1411-L00530

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana hasrat Kerajaan untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965.

15. PR-1411-L01236

**Brig Jen Khairy Jamaluddin [ Rembau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah jumlah hutang negara dan kaedah yang digunakan Kementerian bagi mengira jumlah hutang negara tersebut.

16. PR-1411-L00896

**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [ Johor Bahru ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dapat meningkatkan peranan untuk membanteras dan memulihkan penagih dadah.

17. PR-1411-L01377

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-

(a) apakah Kerajaan akan meneruskan projek Lebuh Raya Pan Borneo; dan

(b) apakah kos dan pampasan yang perlu ditanggung sekiranya projek tersebut dibatalkan .

18. PR-1411-L01284

**Tuan Lim Kit Siang [ Iskandar Puteri ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pembukaan semula kes kematian mendiang Teoh Beng Hock di luar premis SPRM di Shah Alam.

19. PR-1411-L00579

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang status terkini perlaksanaan sistem GST dan SST dalam sistem pentadbiran negara.

20. PR-1411-L01362

**Tuan Muslimin bin Yahaya [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian berpuas hati dengan operasi 59 buah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di seluruh negara dikendalikan oleh NGO kebajikan. Apakah perbezaan kos operasinya jika dikenakan terus di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah, Jajahan (di Semenanjung) atau Bahagian (Sabah/Sarawak).

21. PR-1411-L01074

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja daripada negara India di dalam sektor IT dan semikonduktor negara setakat ini dan tiga syarikat yang memiliki permit tertinggi membawa pekerja daripada negara India ke sektor berkenaan.

22. PR-1411-L00797

**Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan kewarganegaraan yang dikemukakan di Semenanjung Malaysia bagi setiap tahun 2013 hingga 2017 dengan pecahan berdasarkan Fasal Perlembagaan Persekutuan 15, 16 dan 19.

23. PR-1411-L01088

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) justifikasi mengapa terdapat aduan berkaitan kekurangan ubat di hospital-hospital Kerajaan yang mana ubat-ubat yang terkini dan berkualiti amat terhad maka pesakit terpaksa dirawat dengan ubat-ubatan yang kurang berkesan dan mempunyai lebih banyak kesan sampingan ; dan
- (b) mengapa terdapat klinik dan hospital yang tidak memberi stok ubat yang mencukupi yang mana pesakit terpaksa berulang ke hospital seterusnya akan membebankan kepada pesakit .

24. PR-1411-L00177

**Tuan Robert Lawson Chuat [ Betong ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah peruntukan diberikan bagi melaksanakan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar di Sarawak bagi tahun 2018 dan sejauh manakah pencapaian pelaksanaannya sehingga kini ; dan
- (b) adakah Kementerian mempunyai bantuan khas bagi membantu pemohon-pemohon baru (*Late Applicants*) dalam kampung atau rumah panjang yang sudah mendapat bekalan elektrik dari talian GRID SESCO di Sarawak.

25. PR-1411-L00739

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah syarat serta kriteria yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dalam melantik firma audit luaran bagi memastikan aspek ketelusan terhadap penggunaan wang Tabung Harapan.

26. PR-1411-L00852

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI WILAYAH** menyatakan mengapa pelan struktur Kuala Lumpur dan pelan Bandaraya Kuala Lumpur belum diwartakan, serta langkah-langkah yang akan diambil untuk menjamin dikaji semula dan diwartakan secepat mungkin.

27. PR-1411-L00247

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan akan membuat kaedah baru untuk menangani masalah dadah di Malaysia yang makin teruk sekarang.

28. PR-1411-L00750

**Tuan Wong Kah Woh [ Ipoh Timur ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah warganegara layak yang belum mendaftar sebagai pengundi dan jumlah golongan ini sekiranya had umur diturunkan ke 18 tahun. Sama ada Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan sistem pendaftaran pengundi automatik untuk mereka yang layak.

29. PR-1411-L00063

**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) sama ada kesemua Ahli Kabinet, Ahli Parlimen dan pegawai kanan kerajaan akan diwajibkan untuk mengisyiharkan harta setiap tahun kepada orang ramai; dan
- (b) jika benar, bila.

30. PR-1411-L01133

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI, SAINS, PERUBAHAN IKLIM DAN ALAM SEKITAR** menyatakan rancangan pembangunan Stesen Janaelektrik Sultan Ismail Paka yang akan ditutup pada tahun hadapan.

31. PR-1411-L00101

**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI, SAINS, PERUBAHAN IKLIM DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bantuan yang dirancang oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengatasi masalah bekalan air di negeri Kedah.

32. PR-1411-L00081

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [ Libaran ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kriteria-kriteria yang diteliti oleh Kerajaan dalam membuat keputusan untuk mendapatkan pinjaman kewangan daripada negara luar yang mempunyai nilai mata wang lebih tinggi daripada Ringgit Malaysia.

33. PR-1411-L01225

**Dr. Hasan bin Bahrom [ Tampin ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan usaha-usaha yang telah dilakukan Kerajaan bagi merealisasikan pembinaan kawasan perumahan bagi Generasi Kedua FELDA.

34. PR-1411-L00088

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan selain mengumumkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-11, adakah Kementerian akan mengkaji semula dasar-dasar utama dan rancangan pembangunan ekonomi yang ada seperti Dasar Ekonomi Baru dan Model Ekonomi Baru dan menyatakan dasar-dasar ini.

35. PR-1411-L00822

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana seriusnya campur tangan politik kepartian di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah-sekolah di Kelantan. Apakah tindakan segera dan komprehensif yang telah diambil bagi mengatasi masalah ini.

36. PR-1411-L00297

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pendekatan baru Kementerian berkaitan rumah kos rendah dan mampu milik agar ia lebih lestari demi menangani isu masalah kesesakan, penyelenggaraan kurang baik dan malnutrisi di kalangan penghuni perumahan PPR.

37. PR-1411-L00160

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [ Mersing ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah hutang PTPTN yang belum dijelaskan oleh peminjam dan jumlah yang akan ditanggung oleh Kerajaan sekiranya bayaran ditangguh bagi peminjam gaji di bawah RM4,000; dan
- (b) adakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji syarat kelayakan dan kadar pinjaman semasa.

38. PR-1411-L00674  
**Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B) [ Port Dickson ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan Kementerian ke atas pegawai-pegawai dan anggota-anggota polis yang bekerjasama, bersubahat serta terlibat di dalam sindiket-sindiket jenayah, dadah dan kumpulan-kumpulan samseng dalam usaha untuk Kementerian membersihkan imej polis dalam Malaysia Baharu.
39. PR-1411-L00314  
**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan berapakah harga getah terkini dan apakah langkah Kementerian untuk menaikkan harga getah. Adakah Kementerian akan meneruskan pemberian bantuan RM200 kepada penoreh getah.
40. PR-1411-L00204  
**Datuk Aaron Ago Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan tindakan Kementerian / Kerajaan Pusat terhadap dasar dan hasrat Kerajaan untuk menaik taraf dan memodenkan sekolah luar bandar Sarawak dari segala segi pengangkutan, infrastruktur, kemudahan dan kelengkapan sekolah.
41. PR-1411-L00459  
**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [ Tenggara ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jangkaan pihak Kerajaan terhadap pergerakan harga barang secara umum selepas pelaksanaan SST pada 1 September 2018 nanti. Adakah harga barang akan menaik, menurun atau tiada perubahan.
42. PR-1411-L00507  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan yang sedang diambil untuk menandingi gejala rasuah yang berlaku di PUSPAKOM dan adakah Kementerian bercadang mengambil alih tugas ujian kenderaan daripada PUSPAKOM.
43. PR-1411-L00690  
**Tuan Mordi Bimol [ Mas Gading ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan status Projek Kampung Tanpa Wayar yang banyak dilaksanakan di kawasan luar bandar tetapi tidak berfungsi seperti yang sepatutnya serta apakah perancangan seterusnya untuk menambahbaik kemudahan tersebut.
44. PR-1411-L00929  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hasil negara yang berkurang akibat daripada pelaksanaan pensifaran GST.

45. PR-1411-L00874

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasional dan keperluan Kerajaan meluluskan lesen perjudian pertaruhan sukan kepada ASCOT Sports Sdn. Bhd.

46. PR-1411-L01203

**Dr. Rusnah binti Aluai [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mengurang dan membebaskan para akademik dari tugas-tugas pentadbiran yang menjelaskan fokus kepada tugas hakiki seperti langkah yang dilakukan kepada para guru.

47. PR-1411-L01340

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [ Kepala Batas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan kedudukan Malaysia di dalam *Global Security Index* 2017. Apakah Kementerian berpuas hati dengan strategi menangani isu berkait keselamatan siber mutakhir ini.

48. PR-1411-L00901

**Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah yang perlu diambil bagi memastikan kesemua projek pembangunan yang telah diluluskan oleh Kerajaan yang terdahulu, sama ada yang belum bermula atau yang sudah bermula dan yang sedang dalam pelaksanaan, diteruskan pelaksanaannya hingga siap di Sarawak.

49. PR-1411-L00228

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan Sistem Pendaftaran Pengundi secara automatik bagi rakyat Malaysia yang layak mengundi dalam Pilihan Raya negara ; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan umur layak mengundi daripada umur 21 tahun sekarang.

50. PR-1411-L00146

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) bilakah Kerajaan akan memulakan tindakan membawa pulang semua harta milik negara di luar negara yang dibeli menggunakan wang dari 1MDB ; dan

- (b) senaraikan jenis harta, nilai harta dan negara-negara di mana harta tersebut disimpan.
51. PR-1411-L00889  
**Tuan Chan Foong Hin [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan Kerajaan Persekutuan dalam memajukan kemudahan kesihatan di hospital dan klinik Kerajaan di daerah Kota Kinabalu.
52. PR-1411-L00717  
**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status kes rasuah dan penjualan tanah milik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Kem Sungai Besi yang dikatakan telah tergadai.
53. PR-1411-L01112  
**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam membangunkan industri maritim di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.
54. PR-1411-L00052  
**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Kementerian dijangka akan melaksanakan projek-projek yang boleh mengurangkan kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang seperti pembinaan LRT (*Light Rail Transit*) dari Georgetown ke Seberang Perai seperti yang dijanjikan dalam kempen Pilihan Raya Umum ke 14.
55. PR-1411-L00261  
**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan untuk memasang lampu lalu lintas di beberapa kawasan di dalam Parlimen Baling contohnya seperti di simpang Landak, simpang Pekan Pulai, simpang Asam Jawa dan simpang tiga Jerai kerana kawasan-kawasan ini selalu terjadinya kemalangan.
56. PR-1411-L01263  
**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kedudukan atau status bangunan baru SJKT Gunung Rapat, SJKT Menglembu dan SJKT Kerajaan Ipoh yang masih dalam pembinaan. Bilakah Kementerian akan menyalurkan peruntukan yang diperlukan untuk menyiapkan kerja-kerja pembinaan.

57. PR-1411-L00594

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan rancangan untuk memperkenalkan projek kereta nasional baharu dan apakah justifikasi ke atas rancangan ini dan mohon nyatakan berapakah kos dan dana permulaan yang akan terlibat secara spesifik sekiranya projek ini diteruskan.

58. PR-1411-L00331

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan strategi dan rancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang Kementerian untuk menyelesaikan atau mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di negeri-negeri di luar Selangor dan Kuala Lumpur seperti Melaka.

59. PR-1411-L01056

**Tuan Wong Ling Biu [ Sarikei ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan yang diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan masalah kekurangan tempat letak kereta di Klinik Kesihatan Bintangor.

60. PR-1411-L00601

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah inisiatif serta mekanisme yang akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengurangkan kesesakan jalan raya terutamanya pada musim perayaan.

61. PR-1411-L00796

**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil mengenai laporan UNICEF berkenaan kemiskinan kanak-kanak di flat kos rendah di Kuala Lumpur.

62. PR-1411-L00239

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah jaminan Kerajaan dengan menukar sistem percukaian GST kepada SST pada masa hadapan akan menurunkan harga barang dan kos sara hidup.

63. PR-1411-L00487

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk segera melaksanakan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan juga mengembalikan status Sabah dan Sarawak yang telah dijanjikan dan terkandung dalam Manifesto Pakatan Harapan, "Janji Utama 100 Hari".

64. PR-1411-L00144

**Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah perancangan khusus yang dirangka oleh pihak Kementerian melalui RISDA bagi membantu golongan penoreh getah terutamanya sewaktu musim tengkujuh.

65. PR-1411-L01052

**Tuan Haji Awang bin Hashim [ Pendang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah sebenar pelaburan atau pinjaman dari KWSP, Khazanah, KWAP dan LTAT kepada 1MDB.

66. PR-1411-L01186

**Dato' Sri Azalina Othman Said [ Pengerang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan meneruskan usaha Kerajaan terdahulu untuk membuat pindaan kepada Akta Profesional Undang-undang 1976 [Akta 166] dengan mengambilkira *Holistic Blueprint for the Legal Profession in Malaysia* yang mana antara lain telah mencadangkan khususnya berkenaan *Common Bar Course*.

67. PR-1411-L00907

**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) seperti terkandung dalam Manifesto Pakatan Harapan, sebagai respon kepada kes-kes salah laku polis serta kematian dalam lokap yang terus berlaku dengan kadar yang serius.

68. PR-1411-L00635

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [ Pontian ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah kos ECRL yang telah diumum oleh Kerajaan Barisan Nasional. Berapa kos yang diumumkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Mengapa ada perbezaan. Adakah berlaku urus niaga dalaman (*insider trading*) yang menyalahi undang-undang dalam pembelian saham Syarikat T7 Global.

69. PR-1411-L00760

**Tuan Su Keong Siong [ Kampar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini cadangan Kerajaan berkenaan dengan pembinaan hospital Kerajaan untuk penduduk-penduduk di kawasan Kampar. Adakah Kerajaan sedar bahawa terdapat keperluan yang amat tinggi untuk mendirikan sebuah hospital Kerajaan untuk memberi khidmat perubatan untuk penduduk-penduduk parlimen Kampar dan sekitarnya.

70. PR-1411-L00978

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan setakat manakah komitmen Kerajaan untuk menaik taraf dan menambah jumlah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang pada hari ini sangat tidak mencukupi berbanding jumlah OKU yang memerlukan rawatan pemulihan di negara ini.

71. PR-1411-L00506

**Dato' Ngah Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada terdapat sistem aduan bagi pelajar untuk mengemukakan aduan terhadap penguji (*tester*) yang menggagalkan mereka dengan sengaja dalam ujian Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Sekiranya terdapat mekanisme tersebut:-

- (a) siapakah yang mengetuai unit siasatan dan berapa lamakah proses siasatan tersebut dapat disiapkan; dan
- (b) nyatakan jumlah kes aduan terhadap penguji yang menggagalkan pelajar secara sengaja yang diterima oleh JPJ sejak tahun 2013 hingga sekarang.

72. PR-1411-L00528

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Bachok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan terhadap tindakan Kerajaan menggugurkan semakan semula kes Batu Puteh.

73. PR-1411-L00561

**Dato' Seri Dr. Santhara [ Segamat ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah projek-projek pembangunan yang baru akan dilaksanakan di Parlimen Segamat dalam tempoh 3 tahun akan datang dan adakah projek jalan raya Segamat ke Tangkak akan disiapkan dalam masa terdekat serta berapakah jumlah kos perbelanjaan yang telah diluluskan bagi projek tersebut.

74. PR-1411-L01142

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Pusat terhadap pelaksanaan projek terowong dasar laut di Pulau Pinang yang mempunyai konsensi tol selama 30 tahun sekiranya dilaksanakan.

75. PR-1411-L00471

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [ Limbang ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah Kementerian akan meneruskan projek-projek pelancongan di Limbang yang sedang dilaksanakan khasnya Projek Eko Pelancongan di Kampung Patiambun dan Lumpur Bebuak di Kampung Meritam.

76. PR-1411-L00707

**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI WILAYAH** menyatakan status terkini pembinaan jambatan Labuan - Menumbok seperti yang dirangka oleh Kerajaan terdahulu melalui Pelan Tindakan Pembangunan Labuan 2030, adakah ia akan diteruskan. Sekiranya diteruskan, bilakah jambatan ini dijangka siap.

77. PR-1411-L00959

**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) bilangan kanak-kanak lelaki dan perempuan di bawah 18 tahun yang telah berkahwin dengan pasangan bawah umur mengikut pecahan umur, etnik, agama dan negeri ; dan
- (b) bilangan kanak-kanak bawah 18 tahun yang berkahwin dengan pasangan dewasa mengikut pecahan umur, negeri, agama dan etnik.

78. PR-1411-L00216

**Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [ Besut ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan rasional pembatalan pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur 3 (LPT3) yang menghubungkan Gemuruh, Kuala Terengganu ke Tumpat, Kelantan sedangkan kajian pelaksanaannya telah bermula seawal tahun 2016 dan pelaksanaannya merupakan satu keperluan mendesak di kalangan para pengguna dari kedua-dua negeri yang terlibat.

79. PR-1411-L01004

**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai akta-akta yang akan dimansuhkan dan rasional-rasionalnya.

80. PR-1411-L01358

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan prestasi dalam tempoh 2 bulan pertama sejak 9 Mei lalu mengenai BSKL dari segi CI, nilai pasaran dan jual beli oleh pelabur asing dan prestasi FDI serta usaha untuk memperkuatkannya semula prestasi kedua-duanya itu.

81. PR-1411-L00813

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini siasatan kes penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan apakah yang boleh dilakukan oleh Kerajaan bagi menangkap Low Taek Jho atau Jho Low yang dipercayai bersembunyi di negara yang tidak mempunyai perjanjian ekstradisi dengan Malaysia.

82. PR-1411-L00443

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian membuat kajian dari sudut demografi berhubung dengan kadar celik huruf rakyat Malaysia, dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menambah baik kedudukan ini.

83. PR-1411-L00477

**Tuan Chang Lih Kang [ Tanjung Malim ]** minta **MENTERI HAL EHWAH EKONOMI** menyatakan langkah-langkah untuk memulihkan (*retrieve*) wang FELDA yang telah disalahgunakan.

84. PR-1411-L00055

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [ Batang Lupar ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan mengenai Dasar Pandang ke Timur. Apakah fokus kepada dasar ini.

85. PR-1411-L00383

**Puan Nor Azrina binti Surip [ Merbok ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengikut negeri berapakah bilangan doktor yang berkhidmat sebagai doktor keluarga serta bilangan pesakit di bawah khidmat mereka.

86. PR-1411-L00417

**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status dan hasil siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ke atas Tan Sri Mohd Isa Bin Haji Abdul Samad yang terlibat dengan skandal mega FELDA.

### **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersebahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat Belas."

2. PR-1411-U(27)003

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Menteri Pendidikan memperjelaskan Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) supaya lepasan UEC boleh memohon untuk kemasukan universiti awam sesi pengambilan 2018/2019 yang bermula pada awal September 2018."

**[ Menteri Pendidikan ]**

3. PR-1411-U(27)004

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Kementerian perlu mempunyai satu pendekatan yang sistematik dalam menyalurkan peruntukan tahunan dan dana khas untuk pembangunan serta penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJK) (*confirming school*) dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) tanpa mengabaikan Sekolah Kebangsaan serta sekolah aliran lain Kementerian juga perlu mengumumkan garis panduan kelulusan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang baharu serta penempatan semula SJK(C) yang kurang murid ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seharusnya menjadi sebahagian daripada perancangan pendidikan oleh Kementerian agar SJK(C) turut menjadi arus perdana sistem pendidikan kebangsaan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

4. PR-1411-U(27)005

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil satu ketetapan mengenai lambakan kes permohonan kewarganegaraan oleh kaum India dan Cina yang tertunggak sekian lama agar ia dapat diproses dengan segera serta diluluskan dalam tempoh tiga sehingga enam bulan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

5. PR-1411-U(27)006

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membatalkan projek kereta nasional baru apabila kegagalan Proton perlu diambil iktibar dan menumpu kepada usaha Kerajaan dalam menangani isu-isu industri automotif dalam negara serta memperkuatkan industri automotif secara holistik selaras dengan Dasar Automotif Nasional."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

6. PR-1411-U(27)007

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Menteri Kewangan untuk membahaskan kaedah mengira hutang negara yang mengambil kira liabiliti luar jangkaan serta pajakan pengkongsian awam-swasta berbanding dengan kaedah antarabangsa seperti IMF dan jika Menteri menggesa untuk mengamalkan pengiraan baru ini, ia perlu dibentang untuk kelulusan dari Parlimen."

**[ Menteri Kewangan ]**

7. PR-1411-U(27)008

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membentang butiran-butiran termasuk terma-terma dan tujuan yang terlibat dalam permintaan kredit yen dari Kerajaan Jepun dan ia dibahas dalam Dewan ini."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

8. PR-1411-U(27)009

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan apakah rancangannya untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam dalam negara terutamanya di sekitar daerah Klang yang mana kesesakan lalu lintas dianggar mengakibatkan kehilangan 1.11% kepada 2.2% daripada KDNK terutamanya pengumuman pembatalan MRT3 telah dibuat."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

9. PR-1411-U(27)001

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan yang mulia ini akan mencadangkan kepada Kerajaan supaya memulihkan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi membolehkan warga kota memilih sendiri wakil-wakil untuk berkhidmat dalam Majlis Kerajaan Tempatan."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

10. PR-1411-U(27)002

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyatakan kehilangan kepercayaan dan ketidakyakinan terhadap Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), iaitu Tan Sri Othman Bin Haji Mahmood, dan lima anggota SPR yang lain, iaitu Dato' Md Yusop Bin Haji Mansor, Datuk Haji Abdul Aziz Bin Khalidin, Haji Sulaiman Bin Haji Narawi, Dato' Bala Singam A/L Karupiah, dan Dato' Leo Chong Cheong, dan oleh itu menuntut agar mereka meletak jawatan sebagai anggota SPR dengan serta-merta."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

**\*\*UCAPAN-UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 18.07.2018 (Rabu)	1. YB Tuan Wong Chen (Subang)	1. Dasar Luar Berhubungan Dengan Amalan Pilihan Raya Cambodia	1. YB Menteri Luar Negeri
2. 18.07.2018 (Rabu)	2. YB Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad (Parit Sulong)	2. Pengurangan Bayaran Khas Aidilfitri 2018 Kepada Penjawat Awam	2. YB Menteri Kewangan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**